


Oleh **ABDULLAH YUSOFF**

12 Keajaiban Bahasa Orang Pekak



Seringkali apabila kita berbicara tentang orang pekak, kita akan mengaitkan mereka dengan ketidakmampuan bertutur. Lantaran itu, kita mengandaikan mereka sebagai kumpulan yang mengalami kecacatan bahasa. Oleh hal yang demikian, kita menggolongkan mereka dalam kelompok orang kelainan upaya (OKU). Persoalannya, adakah disebabkan mereka tidak dapat bertutur, mereka boleh dilabelkan sebagai "cacat bahasa"?

Mengelompokkan orang pekak dalam kumpulan OKU menyebabkan mereka dilihat sebagai sekumpulan orang cacat sebagaimana individu cacat yang lain seperti orang buta, tempang dan *palsi cereberal*. Hal ini sebenarnya sangat tidak disukai oleh mereka sama ada yang tinggal di negara ini atau di negara lain. Benarkah orang pekak itu cacat? Jawapannya mungkin "ya" atau "tidak" bergantung pada perspektif yang dilihat, sama ada dari segi perubatan atau linguistik.

Dari aspek perubatan, mana-mana individu ditakrifkan cacat apabila seseorang itu berlainan daripada kebanyakan orang serta memiliki kekurangan yang membawa kesusahan kepada dirinya. Di samping itu, orang tersebut mengalami kesukaran untuk berdikari dan memerlukan pertolongan orang lain secara berterusan pada tempoh masa tertentu. Umpamanya, kecacatan fizikal yang dialami orang yang kakinya kudung menyebabkan seseorang itu perlu bergantung pada alat untuk bergerak. Begitu juga dengan orang buta yang terpaksa bergantung pada tongkat atau seseorang untuk bergerak.

Kesukaran yang dialami oleh orang pekak sebaliknya tidak seteruk itu. Orang pekak boleh dilihat sebagai orang biasa atau "normal" dari perspektif linguistik. Orang pekak dapat berkomunikasi dengan sesiapa sahaja melalui saluran isyarat. Jika perbezaan

saluran komunikasi dijadikan asas pertimbangan bagi mengatakan orang pekak sebagai "cacat", hal ini tidak dapat diterima daripada perspektif linguistik.

Terdapat berbagai-bagai sebab seseorang menjadi pekak. Ada kepekakan yang disebabkan genetik dan ada juga yang diperolehi akibat daripada penyakit atau kecederaan yang dialami sesudah dia dilahirkan. Ketidakstabilan kromosom ketika seseorang ibu hamil dan genetik keturunan boleh menyebabkan berlakunya pekak semenjak lahir. Pada lazimnya, seseorang itu dikategorikan sebagai pekak genetik apabila terdapat lebih daripada seorang individu yang mengalami pekak dalam keluarganya.

Dilihat daripada sifat fizikal orang pekak, kebanyakan telinga mereka tidak kelihatan cacat, begitu juga dengan anggota-anggota lain. Pembentukan telinga mereka seperti biasa dan hal ini menyebabkan kepekakan yang dialami oleh mereka sukar dikesan. Walaupun orang pekak bermasalah dalam pendengaran, telinga mereka tidak kelihatan cacat dari segi bentuknya. Dari sudut ilmu anatomi dan fisiologi, telinga ialah deria utama pendengaran yang menjadi unsur utama dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa lisan. Seseorang tidak dapat bertutur mana-mana bahasa yang tidak pernah didengarinya. Situasi inilah yang berlaku kepada orang pekak. Ketidakmampuan mendengar bunyi-bunyi bahasa menyebabkan mereka tidak berupaya untuk bertutur sepertimana orang yang memiliki pendengaran bertutur.

Pada masa yang sama, ketidakmampuan mereka mendengar bunyi bahasa berpunca daripada keabnormalan atau kecacatan telinga. Namun demikian, kecacatan tersebut jarang berlaku kepada telinga luar, iaitu di bahagian cuping. Sebaliknya kecacatan itu banyak berlaku kepada bahagian telinga tengah atau dalam, yang tidak dapat dilihat secara nyata. Berbanding dengan OKU yang lain, kecacatan kebanyakan mereka cacat tertera pada mana-mana anggota yang dapat dilihat secara visual. Contohnya, mereka yang kudung tampak kudungnya, yang tempang tampak tempangnya dan yang buta pula tampak butanya. Oleh hal yang demikian, OKU lain lebih mudah mendapat simpati daripada anggota masyarakat berbanding dengan orang pekak. Daripada penglihatan mata kasar, orang pekak kelihatan bukan seperti orang cacat. Inilah keajaiban pertama orang pekak, iaitu mereka memiliki kecacatan bahasa tetapi kecacatannya tidak kelihatan secara visual.

Masalah utama orang pekak berlegar pada komunikasi lisan kerana mereka sukar memahami komunikasi lisan. Namun begitu,

- mereka dapat berkomunikasi tetapi saluran komunikasi mereka bukan seperti orang biasa.
- Keajaiban kedua yang dimiliki oleh orang pekak ialah mereka dapat berkomunikasi melalui gerak badan.

Walaupun berkomunikasi melalui gerak badan, mereka mampu mengungkapkan segala hal yang dibicarakan dan inilah keajaiban ketiga orang pekak. Hal ini menunjukkan mereka tidak mengalami masalah dalam komunikasi. Perkara yang menjadi masalah kepada mereka ialah kebanyakan orang yang memiliki pendengaran tidak memahami komunikasi isyarat mereka. Dalam masa yang sama, orang pekak pula tidak memahami komunikasi lisan yang digunakan oleh orang yang memiliki pendengaran. Situasi ini menyebabkan kedua-dua pihak saling tidak memahami antara satu sama lain. Jika faktor komunikasi dijadikan asas untuk orang pekak dilabelkan sebagai cacat, maka mereka yang tidak memahami komunikasi orang pekak juga seharusnya dilabelkan sebagai "cacat".

- Dalam konteks komunikasi, saling memahami bahan komunikasi merupakan

- elemen utama. Seseorang yang tidak memahami mesej yang dikomunikasikan dianggap sebagai gagal dalam komunikasi.
- Kegagalan dalam komunikasi ini bukan sahaja berlaku antara orang pekak dengan orang yang memiliki pendengaran. Hal ini juga dapat dilihat pada pengguna bahasa lisan yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang berasal daripada rumpun yang berbeza. Sebagai contoh, pengguna bahasa Melayu tidak memahami komunikasi dalam bahasa Sepanyol dan begitulah sebaliknya yang berlaku kepada orang Sepanyol yang tidak memahami komunikasi dalam bahasa Melayu. Jika saling tidak memahami itu merupakan elemen utama yang digunakan untuk mengklasifikasikan orang pekak sebagai cacat, maka orang yang memiliki pendengaran juga boleh dilabelkan sebagai cacat apabila dia tidak dapat menguasai bahasa lisan dunia yang sangat banyak jumlahnya itu.

Keajaiban keempat yang dimiliki oleh orang pekak ialah mereka mampu berkomunikasi melalui gerak badan yang didominasi oleh tangan dan mimik muka. Keadaan ini berbeza



Pembentukan telinga yang mengganggu pendengaran.

Orang pekak sebaliknya menggunakan tangan yang digerak-gerakkan ke hadapan, ke belakang, ke atas dan ke kanan-kiri bagi membentuk isyarat.

daripada bahasa lisan yang didominasi oleh anggota dalam rongga mulut dan hidung. Keajaiban kelima pula ialah orang pekak mampu berkomunikasi dalam jarak yang jauh berbanding dengan individu yang menggunakan bahasa lisan. Maksudnya, mereka mampu berkomunikasi dengan seseorang yang berada di kedudukan yang jauh selagi seseorang itu dapat melihat gerak badan yang dilakukan. Dalam suasana bisung yang sukar untuk seseorang mendengar pertuturan pun, mereka mampu berkomunikasi.

Kemampuan komunikasi pengguna bahasa lisan pula tidak mampu menjangkau jarak sejauh itu. Hal ini merupakan suatu kelemahan yang terdapat pada komunikasi lisan. Namun demikian, kelemahan ketara bagi orang pekak ialah mereka tidak mampu berkomunikasi dalam suasana gelap, sedangkan komunikasi penutur bahasa lisan terganggu apabila suasana persekitaran terlalu bisung.

Berdasarkan kajian dalam bidang pemerolehan dan perkembangan bahasa, kanak-kanak pekak juga didapati memperoleh bahasa sebagaimana

- kanak-kanak biasa. Bermula dengan tangisan bayi, diikuti dengan *mumbling* dan *bubbling*, dan seterusnya bergerak ke peringkat *holo* frasa dan ayat lengkap, kajian mendapati kanak-kanak pekak juga melalui proses dan peringkat yang sama. Perkara yang berbeza ialah kanak-kanak pekak beralih kepada isyarat pada tahap *holo* frasa atau satu patah perkataan berbanding dengan kanak-kanak biasa yang menggunakan bahasa lisan. Pada peringkat ini kanak-kanak biasa menggunakan satu patah perkataan bagi merujuk sesuatu, sedangkan kanak-kanak pekak menggunakan satu isyarat untuk merujuk pelbagai makna. Inilah keajaiban keenam orang pekak.

- Keajaiban ketujuh pula ialah kemampuan orang pekak menggunakan seluruh anggota badan yang didominasi oleh tangan dan muka. Pengguna bahasa lisan juga menggunakan anggota badan tetapi didominasi oleh artikulator yang berada dalam mulut. Lidah, lelangit, pita suara dan glotis ialah artikulator aktif yang mampu menghasilkan pelbagai bunyi. Setiap bunyi bergabung untuk menghasilkan bunyi perkataan berdasarkan bunyi yang digunakan oleh sesuatu komuniti bahasa. Punca bunyi ialah hembusan udara daripada paru-paru yang melalui pita suara, rongga mulut dan rongga hidung.


- Orang pekak sebaliknya menggunakan tangan yang digerak-gerakkan ke hadapan, ke belakang, ke atas dan ke kanan-kiri bagi membentuk isyarat. Gabungan pergerakan tangan ini berupaya membentuk isyarat yang bermakna. Pada masa yang sama, ada sesetengah isyarat tangan diiringi dengan mimik muka bagi mengukuhkan makna yang dibawa oleh isyarat. Pergerakan

- tangan mampu membentuk "perkataan" sebanyak mungkin seperti mana yang dihasilkan oleh pergerakan artikulator bahasa lisan. Jika dibandingkan, kawasan pergerakan artikulator bahasa lisan lebih sempit berbanding dengan kawasan artikulator bahasa isyarat orang pekak (BIOP). Kawasan bahasa lisan hanya dalam rongga mulut, sedangkan kawasan BIOP seluas kawasan yang dapat diidapa atau digerakkan oleh tangan.

- Keajaiban kelapan ialah orang pekak dapat membezakan perbezaan kecil sesuatu objek, hal atau peristiwa melalui isyarat. Bahasa lisan mampu membezakan makna melalui perbezaan bunyi yang minimum seperti dalam perkataan "buku", "duku", "cuku", "kuku", "luku", "ruku", "suku", dan "tuku". Perbezaan makna pada kata yang merujuk benda tersebut terletak pada perbezaan bunyi dan fonem pertama, iaitu fonem [b], [d], [c], [k], [r], [s], dan [t], yang menghasilkan perbezaan bunyi suku kata pertama. Walaupun perubahan bunyi sangat kecil tetapi daripada aspek semantik, perubahannya sangat besar, iaitu daripada satu objek kepada satu objek yang lain. Oleh itu, ketepatan penyebutan penting dalam bahasa lisan. Orang pekak melalui komunikasi isyarat juga mampu membezakan sesuatu melalui perbezaan isyarat yang minimum seperti isyarat "dengar", "demam", "abang", "bulan" dan "matahari" melalui pergerakan dan kedudukan tangan seperti mana yang berlaku pada bahasa lisan.

- Keajaiban kesembilan, kanak-kanak pekak bersekolah dengan menggunakan isyarat sebagai medium pembelajaran. Hal ini bermakna bahawa bahasa persekolahan dapat dipelajari melalui isyarat. Pada umumnya, sesuatu bahasa yang berteraskan bahasa lisan dijadikan bahasa

pengantar persekolahan. Antara ciri utama bahasa lisan tersebut termasuklah bahasa utama yang digunakan oleh kelompok majoriti dalam sesuatu masyarakat di sesebuah negara. Selalunya, penutur yang biasa menggunakan bahasa pengantar itu sebagai bahasa komunikasi harian akan lebih mendapat manfaat berbanding dengan penutur bahasa lain. Hal ini demikian kerana penutur asli bahasa pengantar



Perubahan bentuk tangan dan kedudukan tangan membawa perubahan kepada makna isyarat.

- tersebut tidak perlu lagi belajar bahasa tersebut berbanding dengan mereka yang terdiri daripada bukan penutur asli. Kanak-kanak pekak pula perlu belajar bahasa pengantar ini melalui isyarat dan terpaksa mempelajari tatabahasa bahasa tersebut untuk memperoleh kejayaan akademik. Kanak-kanak di Malaysia misalnya, mempelajari Bahasa Melayu melalui isyarat Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) yang popular dalam kalangan pendidik kanak-kanak pekak.

- Keajaiban kesepuluh pula terletak pada keunikan bahasa isyarat yang dapat diperturunkan berdasarkan mana-mana bahasa tulisan meskipun tidak mempunyai bentuk tulisannya yang tersendiri. Untuk tujuan komunikasi secara bertulis, lazimnya bahasa tulisan yang diajarkan di sekolah digunakan. Menerusi bahasa tulisan ini, isyarat-isyarat yang digunakan oleh orang pekak dapat diperturunkan dalam bentuk tulisan.

- Selain itu, bahasa isyarat telah diiktiraf dan diangkat sebagai bahasa rasmi sesetengah negara. Pengiktirafan ini diperoleh hasil desakan daripada komuniti orang pekak dan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan bahasa isyarat sebagai bahasa yang digunakan secara rasmi bagi orang pekak. Pengiktirafan ini memperlihatkan kemampuan bahasa isyarat sebagai bahasa yang dapat digunakan dalam pelbagai situasi dan tujuan sebagaimana bahasa lisan dan inilah keajaiban kesebelas yang dimiliki oleh bahasa orang pekak. Pengiktirafan ini boleh dicapai melalui tiga kaedah, pertama melalui pindaan perlembagaan, kedua melalui undang-undang khas berkaitan dengan kedudukan bahasa isyarat dan ketiga melalui usaha memasukkan fasa berkaitan dengan bahasa isyarat dalam

- mana-mana undang-undang. Di Malaysia misalnya, melalui Akta Orang Kurang Upaya 2008, Bahasa Isyarat Malaysia yang merujuk bahasa isyarat rasmi bagi orang pekak Malaysia telah mendapat pengiktirafan. Hal ini tercatat pada Bahagian I, Bab Permulaan dalam akta tersebut. Nantiah daripada pengiktirafan ini, bahasa isyarat orang pekak telah dijadikan mata pelajaran dalam sistem persekolahan di beberapa buah negara. Bahasa ini turut digunakan dalam situasi rasmi seperti di mahkamah dan di mana-mana sahaja yang menyaksikan penglibatan orang pekak. Untuk itu, khidmat penterjemah bahasa isyarat digunakan dalam majlis yang melibatkan golongan ini. Keajaiban kedua belas ialah bahasa isyarat diiktiraf setaraf dengan bahasa lisan dari aspek linguistik. Kajian popular tentang linguistik isyarat diusahakan oleh William Stokoe yang mengkaji bahasa isyarat dalam kalangan orang pekak Amerika. Dapatan beliau mendapati ciri-ciri seperti bersistem, alat peralambangan, bersifat arbitrar, dimiliki, dapat diperturunkan dan berkuasa yang digunakan bagi mengelakkan satu-satu bentuk komunikasi sama ada berstatus bahasa atau tidak, wujud pada bahasa isyarat. Lantaran itu, beliau berpendapat bahawa bahasa isyarat ialah bahasa yang setanding dengan bahasa lisan dan pandangan beliau ini mendapat perhatian. Sehingga kini, pengiktirafan terhadap bahasa isyarat sebagai satu bahasa telah diterima umum dalam kalangan ahli linguistik isyarat orang pekak. Kajian tentang aspek fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik isyarat orang pekak pula sudah mantap, manakala sistem penulisan isyarat masih lagi dalam penelitian pengkaji bidang tersebut. DB